



Golden Pin Design Award 2018 Panduan Penyertaan

Pihak Penganjur: Biro Pembangunan Industri di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
Unit Eksekutif: Taiwan Design Center

1. Syarat Pendaftaran

Produk penyertaan mestilah produk jualan yang telah dikomersilkan. Peserta yang mengambil bahagian mestilah syarikat atau pasukan reka bentuk

2. Tarikh Pendaftaran

Pendaftaran Awal:

Kahmis 01 Mac – Isnin 30 April, 2018 23:59 (GMT+08:00)

Pendaftaran Biasa:

Selasa 01 Mei – Khamis 28 Jun, 2018 17:00 (GMT+08:00)

※Para peserta yang telah melengkapkan maklumat penyertaan dan membayar yuran pendaftaran dalam tempoh masa pendaftaran awal akan menikmati harga diskaun pendaftaran awal.

Alamat Laman Web Pendaftaran: <http://member.goldenpin.org.tw/GoldenPin/>

3. Yuran Penyertaan

Harga Diskaun Pendaftaran Awal:

NT\$ 1,500, US\$ 55 atau RMB 350 bagi setiap pendaftaran

Harga Asal:

NT\$ 2,000, US\$ 70 atau RMB 450 bagi setiap pendaftaran

※Para peserta mesti membayar yuran pengiriman wang dan yuran tambahan secara bersendirian. Yuran pendaftaran mesti dibayar sepenuhnya. (100%T/T)

4. Kaedah Pendaftaran

Sila layari laman web rasmi Golden Pin Design Award untuk buat pendaftaran melalui

sistem pendaftaran dalam talian. Seterusnya, lengkapkan maklumat peribadi dan selesaikan proses pembayaran yuran penyertaan.

※Para peserta yang telah membuat bayaran yuran pendaftaran melalui pindahan kawat (wire transfer) perlu memuat naik bukti pembayaran ke “Sistem Pendaftaran Dalam Talian” sebelum tarikh akhir pendaftaran untuk menyelesaikan prosedur pendaftaran.

5. Kategori Pendaftaran

A. Kategori Reka Bentuk Produk	A-01 Produk komputer and maklumat	A-02 Televisyen dan hiburan rumah	A-03 Perkakasan rumah
	A-04 Pencahayaan	A-05 Perabot rumah	A-06 Barangan rumah
	A-07 Produk pejabat dan alat tulis	A-08 Dapur	A-09 Bilik air
	A-10 Kenderaan dan aksesori	A-11 Rekreasi luar rumah dan sukan	A-12 Produk fesyen, pakaian dan aksesori
	A-1 Penjagaan kesihatan dan kecantikan	A-14 Produk ibu dan bayi	A-15 Kelengkapan dan alatan industri
	A-16 Robotik	A-17 Lain-lain	
B. Kategori Reka Bentuk Komunikas	B-01 Identiti korporat atau jenama	B-02 Terbitan	B-03 Pembungkusan
	B-04 Poster	B-05 Reka bentuk fon	B-06 Animasi
	B-07 Iklan	B-08 Reka bentuk dalam talian dan antara muka	B-09 Aplikasi
	B-10 Lain-lain		
C. Kategori Reka Bentuk Ruang	C-01 Ruang kediaman	C-02 Ruang pejabat	C-03 Ruang makan
	C-04 Ruang rekreasi dan hiburan	C-05 Ruang awam	C-06 Seni bina
	C-07 Lain-lain		
D. Kategori Reka Bentuk Integrasi	D-01 Kurasi profesional	D-02 Pengalaman ambien	D-03 Reka bentuk perkhidmatan
	D-04 Reka bentuk sosial	D-05 Reka bentuk bukan untung	D-06 Perancangan bandar
	D-07 Reka bentuk penyelesaian	D-08 Lain-lain	

6. Prosedur Pemilihan

(1) Pemilihan awal: Pemilihan dalam talian akan dijalankan berdasarkan maklumat

pendaftaran. Penyertaan yang telah lulus pusingan pemilihan awal akan menjadi produk pusingan pemilihan sekunder.

(2) Pemilihan sekunder: Pemilihan akan dibuat berdasarkan produk-produk fizikal yang berjaya memasuki pusingan pemilihan sekunder. Produk yang telah lulus pusingan pemilihan sekunder akan menjadi pemenang “Golden Pin Design Award” , dan pemenang akan diberi Sijil Golden Pin Design Award dan hak untuk menggunakan logo “Anugerah Reka Bentuk (Design Award)” . Produk tersebut juga akan mara ke pusingan pemilihan akhir dan layak bertanding untuk memenangi Anugerah Reka Bentuk Terbaik Tahunan.

(3) Pemilihan akhir: Pemilihan akan dijalankan berdasarkan produk-produk fizikal yang berjaya memasuki pusingan pemilihan akhir untuk memilih calon-calon dan pemenang Anugerah Reka Bentuk Terbaik. Senarai pemenang “Golden Pin Design Award” akan diumumkan di upacara anugerah. Pemenang anugerah tersebut akan diberi Sijil Anugerah Reka Bentuk Terbaik Tahunan, piala dan hak untuk menggunakan logo “Reka Bentuk Terbaik (Best Design)” .

7. Tempoh Pemprosesan

(1) Pendaftaran:

Pendaftaran Awal: Kahmis 01 Mac – Isnin 30 April, 2018 23:59 (GMT+08:00)

※Para peserta yang telah melengkapkan maklumat penyertaan dan membayar yuran pendaftaran dalam tempoh masa pendaftaran awal akan menikmati harga diskaun pendaftaran awal.

Pendaftaran Biasa: Selasa 01 Mei – Khamis 28 Jun, 2018 17:00 (GMT+08:00)

(2) Pemilihan awal: Pemilihan dalam talian pada pertengahan bulan Julai

(3) Pemilihan sekunder:

Sesi antarabangsa: Pertengahan bulan Ogos. Tarikh dan lokasi penghantaran produk akan diumumkan secara berasingan.

Sesi Taiwan: Awal bulan September

(4) Pemilihan akhir: Akhir bulan September. Tarikh dan lokasi penghantaran produk akan diumumkan secara berasingan.

(5) Upacara anugerah: Akhir bulan November

8. Kaedah Pembayaran dan Invois

(1) Kaedah Pembayaran

a. Kad kredit: Sila gunakan kad kredit untuk membayar yuran pendaftaran dalam talian.

Kad-kad kredit yang diterima termasuk Visa, MasterCard dan JCB.

b. WeChat: Gunakan WeChat Pay untuk membayar yuran pendaftaran.

c. Pindahan kawat

(a) NT\$

Bank: 兆豐國際商業銀行(忠孝分行) / Kod Bank: 017

Nama Akaun: 財團法人台灣創意設計中心

Nombor Akaun: 00509024310

(b) US\$

Bank : Mega International Commercial Bank Co., Ltd. (Chung Hsiao Branch)

Bank Address : No.233,SEC.4,Chung Hsiao E.Road,Taipei,Taiwan

Account Name : Taiwan Design Center

Account No : 00553063600

Swift : Icbctwtp005

(2) Penyediaan Invois

a. Invois akan disediakan berdasarkan maklumat yang diisikan dalam sistem pendaftaran.

b. Invois akan disediakan untuk para peserta yang membuat bayaran dalam dolar Amerika.

9. Kriteria Pemilihan

Produk jenama orang Cina yang paling layak dari segi reka bentuk dan produk jenama antarabangsa yang memenuhi keperluan pasaran orang Cina akan dipilih berdasarkan atur cara penilaian Golden Pin Design Award yang adil dan profesional.

(1) Integrasi: Kesesuaian dan kesempurnaan daam memenuhi sasaran pasaran

(2) Inovasi: Idea, fungsi dan bahan dengan unsur-unsur asli

(3) Fungsi: Fungsi atau operasi yang sesuai digunakan untuk memenuhi sasaran pasaran

(4) Aestetik: Pemaparan ciri-ciri istimewa dan semangat produk

(5) Penyampaian: Pemaparan perasaan dan konotasi kebudayaan dalam sasaran pasaran

10. Notis

(1) Produk-produk komersil yang dicipta melalui kerjasama antara sekolah dan syarikat mesti didaftarkan di bawah nama syarikat.

(2) Sekiranya yuran pendaftaran belum dibayar sepenuhnya, pihak penganjur berhak membatalkan pendaftaran.

(3) Setelah prosedur pendaftaran telah diselesaikan (termasuk pembayaran yuran pendaftaran), para peserta yang memutuskan untuk meninggalkan anugerah ini secara bersendirian tidak dibenarkan menuntut bayaran balik.

(4) Produk-produk yang pernah memenangi Golden Pin Design Award tidak boleh didaftarkan lagi.

(5) Anugerah ini dibenarkan menggunakan maklumat, fail foto dan video bagi

produk-produk yang diberikan semasa proses pendaftaran untuk tujuan promosi dan pameran.

(6) Produk-produk yang menyertai proses pemilihan mesti memenuhi prosedur pemilihan yang ditetapkan oleh pasukan Golden Pin Design Award. Dalam proses pemilihan, para peserta tidak perlu menghantar wakil untuk membuat penerangan produk. Maklumat yang berkaitan akan diumumkan secara berasingan kepada para peserta sebelum proses pemilihan bermula.

(7) Sekiranya produk yang menyertai proses pemilihan belum diterima mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh pasukan Golden Pin Design Award, produk tersebut akan dianggap tidak layak untuk menyertai proses pemilihan.

(8) Para peserta akan menanggung kos penghantaran (termasuk tarif import dan eksport, kos insurans, kos ujian makanan dan sebagainya) dan mengendalikan dokumen yang berkaitan dengan proses pendaftaran secara bersendirian semasa menghantar dan mengembalikan produk-produk yang menyertai proses pemilihan. Pihak penganjur tidak akan membayar kos penghantaran yang berkaitan (termasuk tarif import dan eksport, kos insurans, kos ujian makanan dan sebagainya) untuk para peserta terlebih dahulu.

(9) Sekiranya produk yang menang dilaporkan dan disahkan melanggar peruntukan bagi prosedur penilaian atau terdapat kejadian plagiarisme atau pemalsuan pada produk yang menang, Pusat kami bukan sahaja akan membatalkan kelayakan pemenang, tetapi juga menarik balik sijil dan piala yang dianugerahkan. Sekiranya keadaan di atas menyebabkan pihak ketiga membuat tuntutan terhadap pihak penganjur atau unit eksekutif, pemenang tersebut perlu tampil menyelesaikan masalah tersebut, dan akan menanggung kos litigasi, yuran guaman dan segala kos yang berkaitan. Sekiranya perkara di atas menyebabkan pihak penganjur atau unit eksekutif mengalami sebarang kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada reputasi), pemenang juga perlu bertanggungjawab membayar pampasan tanpa syarat. Pihak penganjur atau unit eksekutif juga boleh meminta pemenang membayar ganti rugi punitif.

(10) Sijil dan piala anugerah akan memaparkan nama produk, nama syarikat dan nama pereka yang diberi oleh para peserta dalam sistem pendaftaran dalam talian, dan tidak boleh ditukarkan lagi. Sekiranya peserta ingin menukarkan maklumat tersebut selepas tarikh akhir pendaftaran, peserta perlu menanggung semua kos penyediaan sijil dan piala anugerah yang baru secara bersendirian.

(11) Segala pertikaian yang timbul akibat permohonan, pemilihan, penggunaan dan pemansuhan tanda Reka Bentuk Pin Emas tertakluk kepada proses pengantaraan atau dikendalikan mengikut prosedur undang-undang sivil atau pentadbiran di mahkamah dengan bidang kuasa first instance di Taipei.

(12) Sekiranya pertikaian atau kematian berlaku akibat produk yang memenangi Golden Pin Design Award, syarikat yang mendaftar untuk anugerah ini bertanggungjawab

mengendalikan segala tindakan susulan.

(13) Sekiranya wakil perhubungan syarikat yang mendaftar untuk anugerah ini telah ditukarkan, syarikat tersebut harus mengambil inisiatif untuk memberitahu pasukan Golden Pin Design Award agar tidak terlepas maklumat terkini tentang acara terbaru bagi anugerah ini. Anugerah ini tidak akan menanggung segala tanggungjawab sekiranya pertukaran wakil perhubungan tidak diberitahu oleh syarikat yang mendaftar untuk anugerah ini sehingga menyebabkan hak dan kepentingannya terjejas.

(14) Sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak disebut dalam panduan ini, pihak penganjur atau unit eksekutif berhak meminda panduan ini pada bila-bila masa.

11. Kaedah Perhubungan

Unit Eksekutif | Taiwan Design Center

Telefon: +886-2-2745-8199

Alamat: 2F, No. 133, Guangfu S. Road, 11072 Taipei city, Taiwan

E-mel: gpaward@tdc.org.tw

Konsultasi Pendaftaran |

Kategori Reka Bentuk Produk, Kategori Reka Bentuk Integrasi

Sambungan 337 Cik Chen / Sambungan 340 Encik Lin

Kategori Reka Bentuk Komunikasi, Kategori Reka Bentuk Ruang

Sambungan 331 Cik Cheng / Sambungan 340 Encik Lin

Perundingan Kerjasama Lain |

Sesi Taiwan: Sambungan 336 Cik Chou

Sesi antarabangsa: Sambungan 335 Cik Cheng

Laman Web Rasmi: <http://www.goldenpin.org.tw>

Facebook: www.facebook.com/GoldenPinDesign

Weibo: www.weibo.com/u/5181797743